

## **BUKU BIOGRAFI TUN ABDUL RAZAK DILANCARKAN HARI INI**

---

Date: 17-10-1999

Author: / MEO RI

KUALA LUMPUR, 17 Okt (Bernama) --Buku biografi "Tun Razak Putera Titiwangsa" setebal 206 muka surat dilancarkan oleh Tun Razah Tan Sri Mohamad Noah di sini hari ini.

Menurut penulis buku itu Tan Sri Shariff Ahmad seorang menteri semasa pemerintahan Allahyarham Tun Abdul Razah Hussein, perdana menteri kedua itu adalah seorang pemimpin yang ikhlas dan reda berkorban untuk negara dan bangsanya.

"Nama Tun Razak tercatat dalam sejarah Malaysia sebagai Bapa Pembangunan dan sumbangan beliau menjadi tulang belakang kepada kejayaan Malaysia hari ini, katanya pada sidang media selepas pelancaran buku itu.

Tun Abdul Razak juga dianggap sebagai pemupuk intergrasi kaum dan beliau berhasrat melaksanakan pengagihan ekonomi secara saksama dengan memperkenalkan Dasar Ekonomi Baru, katanya.

Beliau berkata buku ini ditulis sebagai sebuah biografi menceritakan kehidupan dan keperibadian Tun Abdul Razak supaya generasi muda dapat menilai dan menghayati pengorbanan beliau.

-- BERNAMA

MEO RI